

Kesusasteraan Pelbagai Budaya dalam Pembentukan Masyarakat Urbanisasi di Malaysia

Oleh

Profesor Madya Dr. Mahzan Arshad
Fakulti Pendidikan Universiti Malaya

PENGENALAN

Kajian tentang nilai atau pemahaman tentang penghayatan nilai masyarakat pelbagai budaya timbul di Malaysia dari ciri masyarakat yang berasal dari pelbagai keturunan. Perubahan dari segi komposisi penduduk di rantau ini telah berlaku sejak abad ke-15 lagi. Kemasukan penduduk dari negara China dan India, terutamanya telah berlaku sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka atas alasan perdagangan, perkahwinan dan pengembangan agama. Kesan kedatangan yang awal ini masih dapat dilihat dalam kalangan masyarakat Malaysia berketurunan Baba dan Nonya terutamanya di kawasan perbendaran di Melaka dan kaum Chettiar di Pulau Pinang dan Singapura. Hari ini generasi muda dari keturunan Cina dan India tidak lagi merasakan bahawa mereka adalah penduduk yang berasal dari negara asing. Dalam banyak bidang kehidupan mereka telah berjaya mencerap keadaan setempat, dan dapat menyesuaikan diri dari segi bahasa dan cara hidup seperti golongan masyarakat Malaysia yang lain. Kertas ini akan membicarakan bagaimanakah sistem pendidikan negara telah berjaya meningkatkan penghayatan nilai pelbagai budaya dalam kalangan pelajar sekolah menerusi pengajaran bahasa dan kesusasteraan.

MASYARAKAT PELBAGAI BUDAYA

Bidang pengkajian masyarakat pelbagai budaya telah mulai mendapat perhatian yang serius di negara barat terutamanya di Britain dan Amerika Syarikat pada tahun 1980-an lagi. Kesedaran tentang pentingnya pelbagai pihak menangani isu kepelbagaian budaya di negara tersebut telah timbul kerana kesan yang signifikan terhadap kehidupan masyarakat di negara Barat dan Amerika Syarikat yang dianggap sebagai sebuah “periuk yang melebur” (*the melting pot*) Bank (1994) pada peringkat awalnya. Namun demikian istilah periuk yang melebur ini tidak lagi popular dalam kalangan pengkaji bidang masyarakat pelbagai budaya ini kerana apa yang sebenarnya berlaku bukanlah proses pencairan budaya masyarakat yang pelbagai ke dalam satu budaya yang dominan, tetapi pergualan pelbagai jenis budaya dalam satu mangkuk salad yang besar. Proses “perojakan” budaya ini menggambarkan kedudukan pelbagai masyarakat yang berasal dari pelbagai keturunan kaum dan budaya hidup dalam satu entiti kenegaraan yang didukung oleh beberapa ciri-ciri kesamaan yang khusus dalam pelbagai bidang kehidupan semasa.

Di Malaysia kajian tentang nilai atau pemahaman tentang penghayatan nilai masyarakat pelbagai budaya ini timbul dari ciri masyarakat negara ini yang berasal dari pelbagai keturunan kaum. Perubahan dari segi komposisi penduduk di rantau ini telah berlaku sejak abad ke-15 lagi. Kemasukan penduduk dari negara China dan India, terutamanya telah berlaku sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka atas alasan perdagangan, perkahwinan dan pengembangan agama. Kesan kedatangan yang awal ini masih dapat dilihat dalam kalangan masyarakat Malaysia berketurunan Baba dan Nonya di Melaka dan kaum Chettiar di Pulau Pinang dan Singapura. Di samping itu keperluan tenaga pekerja di pelbagai sektor ekonomi negara seperti perlombongan, perladangan dan sistem perhubungan seperti jalan raya, jalan kereta api dan pelabuhan pada awal abad ke-19 telah membawa arus kedatangan pendudukan yang berasal dari China dan India kemudiannya. Hari ini, generasi muda dari keturunan Cina dan India tidak lagi merasakan bahawa mereka adalah penduduk yang berasal dari negara asing. Dalam banyak bidang kehidupan mereka telah berjaya mencerap keadaan setempat, dan dapat menyesuaikan diri dari segi bahasa dan cara hidup seperti golongan masyarakat Malaysia yang lain.

R

Kembali kepada perbincangan tentang mangkuk salad yang besar di atas, walaupun masyarakat bukan dari keturunan Melayu ini telah dapat menyelami kehidupan budaya masyarakat dominan iaitu masyarakat Melayu, namun mereka masih lagi mengamalkan budaya kehidupan keturunan mereka yang asal. Contohnya dari segi bahasa, bahasa Cina dari pelbagai dialek dan suku kaum masih lagi dikuasai dengan baik dan masih digunakan dengan meluas dalam kalangan generasi tua dan muda masyarakat ini. Begitu juga dengan bahasa Tamil iaitu salah satu bahasa yang digunakan oleh masyarakat yang berkerunan dari India selatan masih juga digunakan sama ada bagi tujuan penggunaan harian atau pun bagi tujuan formal seperti pendidikan, urusan perniagaan, politik, malah juga digunakan dalam bentuk yang lain seperti hiburan dan perhubungan awam. Hal yang demikian ini membuktikan bahawa walaupun masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai keturunan kaum dan dapat hidup dalam satu lokasi kediaman yang sama, berkongsi pelbagai kemudahan asas dalam kehidupan, namun dari segi linguistiknya mereka masih juga dapat mengekalkan bahasa yang mereka bawa dari negara asal.

PENDIDIKAN DALAM MASYARAKAT PELBAGAI BUDAYA

Salah satu faktor yang membolehkan masyarakat pelbagai keturunan kaum di Malaysia dapat mengekalkan bahasa dan budaya asal mereka ialah menerusi pendidikan. Sebelum kemerdekaan, tanggungjawab untuk memberikan pendidikan kepada kanak-kanak di negara ini terletak di bahu kerajaan kolonial Inggeris. Sekolah Inggeris pertama, Penang Free School di bina pada tahun 1816 untuk memberikan pendidikan kepada kanak-kanak di Pulau Pinang ketika itu. Terdapat juga beberapa buah sekolah Inggeris didirikan di bandar-bandar besar bagi memberi peluang pendidikan kepada kanak-kanak di bandar tersebut. Di samping itu terdapat juga pertubuhan mubaligh kristian yang mendirikan sekolah di bandar-bandar utama di negara ini. Selain daripada mengenakan bayaran yuran bagi pelajarannya, sekolah mubaligh ini juga mendapat bantuan kewangan dalam bentuk geran tahunan (aided school) daripada kerajaan Inggeris di Tanah Melayu. Sementara itu, kemudahan pendidikan yang disediakan oleh Inggeris untuk anak Melayu dan kaum bumiputra yang lain ketika itu amat menyedihkan. Tidak semua kanak-kanak Melayu berpeluang untuk mendapatkan pendidikan Inggeris, terutamanya kanak-kanak yang berada di luar bandar dan kawasan pedalaman yang tidak terdapat sekolah Inggeris.

Sungguhpun terdapat sekolah Melayu yang disediakan oleh Inggeris untuk kanak-kanak di luar bandar ini, mutu pendidikan yang disediakan adalah jauh daripada apa yang diharapkan (UNESCO, 1991).

Pada ambang kemerdekaan Tanah Melayu Bersekutu iaitu pada tahun 1955, perancangan telah dibuat bagi menyediakan sistem pendidikan pelbagai kaum di negara ini. Sistem tersebut bertujuan memenuhi keperluan penduduk pelbagai keturunan kaum di negara ini dan menyediakan rakyat yang akan dapat menghadapi cabaran sebagai sebuah negara yang merdeka. Matlamat bagi sistem pendidikan tersebut ialah menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar bagi mata pelajaran yang diajarkan pada peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan pendidikan tinggi. Perancang pendidikan pada masa itu melihat dua kelebihan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar dalam sistem pendidikan di Tanah Melayu. Pertama, bahasa Inggeris adalah bahasa yang digunakan serata dunia sebagai bahasa perhubungan dan perkembangan sains dan teknologi. Kedua, bahasa Inggeris bukan bahasa mana-mana kaum yang tinggal di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, usaha memperkenalkan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar dan bahasa utama dalam sistem pendidikan di Tanah Melayu Bersekutu telah mendapat tentangan yang hebat daripada orang Melayu, Cina dan India. Orang Melayu bersungguh-sungguh mahu memperkenalkan sistem pendidikan yang berbahasa penghantar Melayu kerana bahasa tersebut diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara yang baru merdeka. Orang Cina dan India pula mahu mempertahankan bahasa mereka dalam sistem pendidikan kerana bimbang bahasa asal mereka ini akan hilang dengan sendirinya sekiranya tidak diajarkan kepada generasi muda mereka (Mahzan Arshad, 1998).

Pada tahun 1956, satu jawatankuasa telah ditubuhkan di bawah Kementerian Pelajaran yang dipengerusikan oleh Alahyarham Tun Abdul Razak, bertujuan mengkaji keseluruhan sistem pendidikan di Tanah Melayu ketika itu. Cadangan utama yang dibuat oleh Laporan Jawatankuasa yang dikenali sebagai Laporan Razak telah digubalkan menjadi Ordinan Pelajaran 1957 yang akhirnya menjadi asas kepada dasar pendidikan kebangsaan kemudiannya (UNESCO, 1991). Oleh kerana Malaysia ialah sebuah negara pelbagai kaum dan penduduknya bertutur pelbagai bahasa, mengamalkan ajaran agama, budaya dan kepercayaan hidup yang berbeza, maka pengubalan dasar pendidikan negara ini amat menitikberatkan soal perpaduan nasional dan intergrasi antara kaum. Dalam pendidikan, perpaduan perlu diperolehi menerusi penerapan nilai moral dan kesedaran kebangsaan atau semangat patriotik yang kuat di kalangan generasi muda. Seperti yang dilaporkan oleh Jawatankuasa Pelajaran, dasar pendidikan negara ini adalah:

“... menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa penghantar yang besar (utama), walaupun perkara ini tiada dapat dilaksanakan dengan serta merta melainkan diperbuat dengan beransur”

(Penyata Razak 1956: perenggan 12)

Penegasan terhadap satu sistem pendidikan yang boleh diterima oleh semua bangsa yang terdapat di negara merupakan satu cabaran yang besar dalam perancangan sistem pendidikan di Tanah Melayu Bersekutu menjelang kemerdekaan ketika itu. Pada masa itu, setiap kelompok keturunan kaum sebenarnya telah menubuhkan sistem pendidikan mereka sendiri berdasarkan keperluan untuk memberikan pendidikan kepada generasi muda mereka. Orang Melayu telah pun mempunyai sekolah rendah kebangsaan Melayu yang mengamalkan kurikulum yang dianjurkan oleh Inggeris. Di samping itu ada juga antara mereka yang menghantar anak mereka ke sekolah Arab atau sekolah agama

yang mempunyai kurikulum pendidikan yang menitikberatkan pendidikan bercorak agama dan bahasa Arab.

Bagi orang Cina pula, mereka mempunyai sekolah rendah yang ditubuhkan bagi menempatkan anak mereka yang tidak mahu ke sekolah Inggeris. Mereka juga mempunyai guru yang dilatih, buku teks yang dibawa dari Taiwan, dan kurikulum pendidikan yang diubahsuai daripada negara tersebut. Begitu juga dengan orang India yang mempunyai sekolah Tamil, sama ada di bandar atau di ladang pertanian bagi pendidikan anak mereka. Tugas untuk menghapuskan semua sistem persekolahan yang ada dan menggantikannya dengan yang baru, bukanlah mudah kerana peruntukan kewangan untuk pendidikan yang tidak diberikan keutamaan ketika itu. Mereka perlu meneruskan sistem persekolahan yang telah ada, dan menyerapkan sistem pendidikan yang lebih bercorak bersepadu ke dalam sistem persekolahan yang pelbagai ini. Soal bahasa dan bahasa pengantar untuk sekolah di negara ini selepas merdeka menjadi isu yang amat penting dan banyak dibincangkan oleh ketua atau wakil setiap kaum pada masa tersebut.

Walaupun penduduk Malaysia telah mengalami satu sistem pendidikan dasar yang berbeza menurut asal keturunan kaum dan linguistik masing-masing, namun semangat kebangsaan dan cintakan negara masih kukuh dalam kalangan mereka. Keduanya, walaupun terdapat tiga jenis sekolah rendah yang berbeza, namun kerajaan tidak pernah memaksa sesiapa untuk memasuki atau menjalani mana-mana sistem persekolahan yang mereka berminat untuk belajar. Kebebasan yang diberikan ini menjadikan isu perbezaan dalam kesatuan ini bukanlah satu isu yang besar dan dapat dijadikan sempadan bagi perpaduan antara masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Hal yang demikian ini dapat dilihat hasil graduan yang dilahirkan dari sistem persekolahn di negaa ini dapat menghasilkan produk yang berbeza tetapi terdapat dalam kesatuan yang jelas sempadannya. Salah satud aripada produk ini ialah bahan kesusasteraan yang dihasilka oleh penduduk yang berasal dari keturunan yang berbeza ini tetapi dilahirkan dalam konteks negara Malaysia dan dalam bahasa Malaysia yang mereka telah pelajari sama ada secara formal di sekolah atau menerusi pergualan dengan masyarakat aliran perdana di negara ini.

KESUSASTERAAN PELBAGAI BUDAYA

Bahan kesusasteraan pelbagai budaya adalah bahan kesusasteraan yang bukan dihasilkan oleh golongan kaum majoriti dalam sesebuah negara yang mempunyai penduduk pelbagai kaum (Norton, 1991; Bishop, 1992; Harris, 1992). Definisi ini mengklasifikasikan bahan kesusasteraan pelbagai budaya sebagai bahan yang menggambarkan kehidupan kaum minoriti yang berbeza dari segi budaya, bahasa, dan tradisi berbanding golongan majoriti yang nilai kelas menengahnya kerap ditonjolkan dalam bahan kesusasteraan yang terdapat di negara tersebut. Bahan kesusasteraan pelbagai budaya ini boleh dianggap sebagai mewakili masyarakat yang terpencil cara kehidupannya daripada cara hidup masyarakat aliran perdana. Kisahnya berkisar pada suka, duka, dan derita yang dihadapi oleh golongan masyarakat minoriti ini bagi pelbagai tujuan yang tersendiri.

Terdapat juga pengkaji kesusasteraan mendefinisikan bahan kesusasteraan pelbagai budaya sebagai bahan yang dihasilkan oleh penulis yang berbeza dari beberapa segi seperti bahan oleh penulis dari pelbagai jantina, penulis cacat, penulis yang berasal dari kelas masyarakat yang berbeza, golongan usia yang berbeza, dan golongan dari kecenderungan seks yang berbeza (Dove, 1993; Yokota, 1993). Definisi ini bermaksud apa sahaja bahan yang dihasilkan oleh penulis yang istimewa ini dianggap sebagai bahan kesusasteraan yang dihasilkan secara luar biasa.

Di Malaysia, menurut definisi ini bolehlah dikatakan bahawa bahan kesusasteraan pelbagai budaya dihasilkan oleh golongan penulis daripada pelbagai keturunan kaum, sama ada penulis daripada keturunan kaum Cina, India, Thai, atau sesiapa sahaja yang "Bukan Melayu" (Mahzan Arshad, 1998). Namun demikian terdapat penulis kaum Cina dan India yang memang telah menulis bahan-bahan sastera kebangsaan pelbagai genre seperti cerpen, novel, sajak dan rencana.

Dari sudut pandangan yang lebih luas, bahan kesusasteraan pelbagai budaya ini juga didefinisikan sebagai bahan yang mewakili budaya, sejarah, dan tradisi masyarakat yang berasal dari luar sempadan sesebuah negara (Rochman, 1993; Madigan, 1993). Ini bermaksud, bahan yang ditulis haruslah menunjukkan perbezaan dari segi kandungan daripada bahan kesusasteraan tempatan yang menonjolkan pelbagai isu biasa dalam kehidupan masyarakat aliran utamanya.

Bahan kesusasteraan pelbagai budaya perlu menonjolkan pelbagai isu yang berkait budaya, cara hidup, menonjolkan kisah yang berkait sejarah, keturunan, kepercayaan, dan perihal kehidupan harian masyarakat yang diwakili penulisnya. Bahan kesusasteraan pelbagai budaya juga berasal daripada bahan yang ditulis dalam sesuatu bahasa utama yang digunakan dalam sesebuah negara oleh penulis yang berketurunan luar sempadan negara atau bahan yang ditulis dalam bahasa asalnya, kemudian diterjemah ke dalam bahasa utama yang digunakan di negara bahan tersebut dibaca. Definisi ini menyempitkan kategori kumpulan penulis kesusasteraan pelbagai budaya kepada siapa penulisnya dan apa kandungan bahan yang ditulisnya.

MODEL KESUSASTERAAN PELBAGAI BUDAYA BAGI MEMUPUK INTEGRASI KEBANGSAAN

Sastera Kavyan dan Mahua adalah hasil karya penulisan naratif dan rencana yang dihasilkan secara asli dalam bahasa kebangsaan oleh sekumpulan penulis kaum India dan Cina di negara ini boleh dinggap sebagai karya sastera pelbagai budaya yang perlu ditonjolkan bagi memepuk perpaduan dan integrasi kebangsaan. Karya tersebut dicipta bagi menonjolkan satu bentuk kebudayaan yang hidup dalam masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai keturunan/kaum, iaitu khusus kepada masyarakat India yang ramainya berasal dari selatan benua India dan masyarakat Cina yang telah berpindah ke negara ini pada abad ke-19 bagi tujuan ekonomi. Penonjolan karya dari kumpulan minoriti ini perlu bagi memahami latar belakang dan kehidupan masyarakat yang merupakan komponen yang penting dalam negara yang rakyatnya terdiri daripada pelbagai keturunan kaum.

Karya penulisan oleh kaum India dan Cina dalam bahasa kebangsaan di negara ini bukanlah sesuatu yang baru, kerana memang telah ada pengarang kaum India dan Cina yang memang pakar menulis dalam bahasa kebangsaan, dalam bidang bahasa, sastera, kritikan sastera, sains, pendidikan, undang-undang, sosiologi, dan sebagainya. Namun hasil penulisan oleh penulis kedua-dua kaum dalam bahasa kebangsaan yang menulis tentang budaya, kepercayaan agama, dan segala isu berkaitan kehidupan masyarakat

India dan Cina di Malaysia merupakan satu perkembangan yang baru menonjol lebih kurang sedekad belakangan ini.

Bahasa adalah media untuk menyampaikan pemikiran dalam hasil karya kesusasteraan. Sasterawan Kavyan iaitu sasterawan kaum India dan Mahua pula sasterawan kaum Cina di Malaysia menggunakan bahasa kebangsaan sebagai media perantaraan dalam menyampaikan mesej kepada pembaca. Sasterawan Kavyan telah dapat menyampaikan idea mereka tentang sesuatu isu yang berkaitan kehidupan masyarakat India di negara ini (dan kadang-kadang di India Selatan) dengan berkesan serta jelas. Sasterwan Mahua pula cuba menonjolkan kehidupan masyarakat Cina sama ada yang telah bercampur dengan aliran masyarakat perdana atau kehidupan dalam kalangan masyarakat mereka sendiri yang tersisih. Hal yang demikian itu bukanlah satu kemusykilan bagi generasi muda masyarakat India dan Cina yang telah dilahirkan dan dibesarkan di Malaysia selepas merdeka yang memang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa perantaraan komunikasi seharian. Malah mereka ini kebanyakannya mendapat pendidikan dalam bahasa kebangsaan ketika di sekolah dan institusi pengajian tinggi. Apabila diteliti dan dikaji karya-karya Sasterawan Kavyan dan dan Mahua dari segi mutu bahasa, saya kira sesetengahnya adalah lebih baik daripada penulis kaum Melayu sendiri.

Sastera adalah cermin kehidupan. Sastera Kavyan dan Sastera Mahua hidup bagai cermin yang menggambarkan cebisan kehidupan masyarakat India dan Cina yang tinggal di negara ini. Satu kehidupan yang tinggal dalam benua “keindiaan” dan “kecinaan” yang jauh beribu kilometer daripada daripada negara ini sendiri. Mereka ini masih lagi mempunyai sebahagian daripada kehidupan yang asal ini dan berjuang untuk mengekalkannya seperti yang dicerminkan dalam penulisan aktivis sastera golongan “muda” kaum India dan Cina ini. Sesetengahnya amat autentik sifat keindiaan dan kecnaannya..

Hal yang demikian ini bukanlah sukar bagi mereka kerana mereka telah dilahirkan dan dibesarkan di negara ini dalam budaya India dan Cian yang tulen, dan mudah pula meresap jauh ke dalam kehidupan masyarakat Malaysia yang komponennya terdiri daripada pelbagai keturunan/kaum. Mereka juga mengakui bahawa mereka adalah sebahagian daripada denyutan nadi kehidupan masyarakat Malaysia tanpa sebarang

keraguan. Sangat sukar bagi kita membayangkan kehidupan di Malaysia tanpa golongan kaum India dan Cina ini dalam banyak bidang kehidupan harian.

Kebangkitan Sastera Kavyan dan Mahua daripada golongan sasterawan kaum India dan Cina adalah tergerak daripada kesedaran tentang perlunya kehidupan dan pengekalan kedua-dua budaya di kalangan generasi muda masyarakat ini. Ironiknya kesedaran ini timbul daripada golongan muda juga. Biasanya, yang sebaliknya berlaku, iaitu golongan tua akan mengingatkan golongan muda tentang penting pengekalan budaya sendiri dalam kehidupan ini. Namun apa yang berlaku ialah golongan muda itu mengingatkan rakan yang lain tentang budaya yang mereka ada dan pentingnya budaya itu dikekalkan dalam kehidupan ini. Hal ini demikian kerana Sasterawan Kavyan dan Mahua mempunyai alat, iaitu bahasa dan juga ilmu dalam penulisan semula budaya dan kepercayaan yang mereka punyai selama ini dan ditulis pula dalam bahasa kebangsaan.

Khalayak Sastera Kavyan dan Mahua bukan sahaja tertumpu kepada pembaca Melayu atau kaum lain yang ingin mengetahui tentang budaya dan kepercayaan masyarakat pelbagai keturunan kaum di negara ini. Sastera Kavyan dan Mahua juga tentunya dibaca oleh masyarakat India dan Cina itu sendiri, terutama bagi mereka yang telah mendapat pendidikan di sekolah aliran kebangsaan sejak beberapa dekad belakangan ini.

Khalayak sesuatu genre atau kumpulan bahan kesusasteraan dalam beberapa kajian yang dijalankan di negara ini menunjukkan bilangan yang sememangnya tidak ramai dan selektif bentuknya. Namun demikian hasil karya Sasterawan Kavyan dan Mahua akan mendapat perhatian khalayak yang lebih ramai kerana isu yang ditonjolkan adalah amat relevan dalam kehidupan masyarakat pelbagai keturunan/kuam/agama di negara ini.

Apa yang perlu dilakukan adalah promosi terhadap bahan penulisan ini sebagai jentera bagi menerapkan nilai keharmonian dalam kehidupan masyarakat pelbagai budaya di negara ini. Terdapat usaha dan peranan beberapa pihak telah berjaya untuk membuat promosi ini, namun kajian tentang sejauh mana berkesannya karya sastera memainkan peranan memupuk perpaduan dan integrasi kebangsaan dalam kalangan masyarakat dan bagaimanakah karya sastera dapat membuka jalan memupuk perpaduan ini amat jarang dilakukan. Kajian ini akan cuba meneroka kedua-dua aspek tersebut

secara mendalam dan dapatannya akan menghasilkan satu model pengajaran kesusasteraan yang dapat menyerapkan nilai-nilai pemahaman terhadap kehidupan pelbagai budaya di negara ini yang hasilnya akan dapat menyerapkan semangat perpaduan dan integrasi kebangsaan dalam kalangan penduduk di negara ini, khususnya dalam kalangan pelajar yang berada di sekolah menengah.

PENUTUP

Pada masa yang sama, manusia tidak akan sentiasa berbeza sepanjang waktu. Masih terdapat banyak persamaan dan kemiripan di antara manusia, tidak mengira golongan kaum ataupun asal usul kewujudan mereka. Penggunaan bahan kesusasteraan pelbagai budaya dapat merapatkan jurang perbezaan antara kumpulan penduduk yang berbeza dari segi keturunan kaum, kelas sosial, jantina atau kecacatan fizikal. Penggunaan cerita rakyat sebagai contohnya dapat merapatkan jurang perbezaan antara pelbagai keturunan kaum berdasarkan kesamaan dan kemiripan dari segi pengharapan, mimpi, dan permasalahan yang timbul dalam kisah atau yang dihadapi watak-watak dalam kisah tersebut. Pendedahan terhadap budaya yang berbeza, dan unsur-unsur humor, pengembaraan, dan bahasa yang beragam, menyumbang kepada perkembangan peribadi dan ketajaman pemikiran pelajar yang membacanya. Kesemua ini dapat membantu pembentukan satu masyarakat urbanisasi yang pelbagai keturunan kaum tetapi masih dapat hidup dalam satu mangkuk besar yang sama.

RUJUKAN

- Bank, J.A. (1994) *An introduction to multicultural literature education*. Neddham Height, MA: Allyn and Bacon.
- Bishop, R. (1992) *Multicultural literature for children: Making informed choices*. Dalam Harris, V.J. (Ed.) *Teaching multicultural literature in grades K-8*. Norwood, MA: Christopher Gordon.
- Dove, R.C (1993) *Rooms of their own*. Dalam P.Gray, *Time*, Bil. 142 (16), Hlm: 86-89.
- Harris, V.J. Ed. (1992) *Teaching multicultural literature in grades K-8*, Norwood, MA: Christopher Gordon.
- Madigan, D. (1993) *The poliitcs of multicultural literature for children and adolescents: Combining prespectives and conversations*. *Language Arts*, 70. Hlm: 168-176.
- Mahzan Arshad (1998) *Students teachers' responses to multicultural literature*. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah, University of Pittsburgh, Penssylvania, USA.
- Norton, D.E. (1991) *Through the eyes of a child: An introduction to children literature*. Edisi ketiga. New York: Macmillan.
- Rochman, H. (1993) *Against borders: Promoting books for a multicultural world*. Chicago, IL: ALA Books.
- Yokota, J. (1993) *Issues in selecting multicultural childrens literature*. *Language Arts*.70 (3), Hlm: 156- 167.